

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI MUJAHID BIN YUSOF RAWA  
[PARIT BUNTAR]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI MUJAHID BIN YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sekiranya Kementerian berhasrat untuk mempertimbangkan penyaluran pendapatan daripada duti eksais rokok dan tembakau untuk membiayai kos program berhenti merokok seperti program mQuit.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Berhubung sumber dana alternatif seperti penyaluran pendapatan daripada duti eksais rokok dan tembakau untuk membiayai kos program berhenti merokok, **Memorandum Jemaah Menteri (MJM) berkaitan Cadangan Kenaikan Cukai Rokok Secara Berkala telah dibentangkan pada tahun 2015.** Di dalam MJM tersebut, keperluan kewangan bagi membiayai kos rawatan berhenti merokok dengan menggunakan peruntukan khusus daripada hasil kutipan duti eksais rokok dan tembakau telah dicadangkan. Namun, **ianya tidak dipersetujui kerana di atas prinsip bahawa wang** dikumpulkan adalah di bawah konsep kewangan disatukan dan pihak KKM boleh memohon peruntukan daripada pihak Kementerian Kewangan (MOF) mengikut prosedur dan proses kewangan biasa.

2. Seterusnya, pihak KKM juga telah membuat **permohonan bagi menampung kos rawatan berhenti merokok di bawah program Dasar Baru**. Sebagai contoh, pada tahun 2020 sebanyak RM 6.5 juta telah dipohon. Namun, **pihak KKM diminta untuk menggunakan peruntukan di bawah program belanja mengurus sedia ada**.

3. Sebagai perancangan, pada tahun 2020 dan sebagai alternatif kepada penambahan peruntukan, pihak KKM telah melaksanakan satu inisiatif di bawah *Public Private Partnership (PPP)* bersama badan professional, badan bukan kerajaan (NGO) dan agensi swasta di bawah program Perkhidmatan Berhenti Merokok mQuit. Perkhidmatan Berhenti Merokok mQuit telah bermula sejak fasa satu iaitu tahun 2015 hingga 2017. Fasa kedua pada 2017 hingga 2020 dan bakal memasuki fasa ketiga bermula 2021 sehingga 2025 dengan termetrainya Memorandum Persefahaman bersama pihak KKM. **Peruntukan kewangan bagi melaksanakan semua aktiviti dalam setiap fasa adalah ditanggung oleh badan professional, badan bukan kerajaan (NGO) dan agensi swasta yang terlibat**.

4. Pihak KKM juga telah menetapkan dasar agar rawatan berhenti merokok dapat dijalankan secara integrasi dalam rawatan penyakit kronik lain seperti darah tinggi, penyakit jantung, kencing manis dan lain-lain. Ini adalah bagi memastikan agar rawatan berhenti merokok dapat diperluaskan bukan sahaja di klinik kesihatan malahan di semua hospital KKM.

Sekian, terima kasih.